



**KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA  
ARKIB NEGARA MALAYSIA**

## **TEKS UCAPAN PERASMIAN**

**YB DATUK AARON AGO DAGANG  
MENTERI PERPADUAN NEGARA**

**DIBACAKAN OLEH :  
YBHG. DATUK AZMAN MOHD YUSOF  
KETUA SETIAUSAHA  
KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA**

**SEMPENA**

**BICARA BAHASA KOLOKIAL:  
MELESTARIKAN KEBERDAYAAN BAHASA KOMUNITI  
“MOH LABUN LOGHAT PERAK”**

**26 OKTOBER 2023 (KHAMIS)**

**9.00 PAGI  
IMPIANA HOTEL IPOH,  
PERAK**

Selamat Pagi, Salam Sejahtera, Salam Malaysia MADANI dan Salam Perpaduan.

## **SALUTASI**

*\*Salutasi terkini disediakan secara berasingan*

## **PENGHARGAAN**

1. Pertama sekali, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi kesyukuran kerana sekali lagi kita dapat berkumpul dalam majlis ilmu pada hari ini, iaitu **BICARA BAHASA KOLOKIAL: MELESTARIKAN KEBERDAYAAN BAHASA KOMUNITI "MOH LABUN LOGHAT PERAK"**. Program ini diadakan bagi membicarakan tentang sesuatu yang sangat dekat dengan kita, iaitu bahasa kolokial, bahasa pertuturan kita pada setiap hari.
2. Tahniah saya ucapkan kepada Arkib Negara Malaysia selaku penganjur program. Saya difahamkan bahawa program ini merupakan kali ketiga diadakan pada tahun ini. Sebelum ini program telah berlangsung di Kuantan, Pahang dan Kota Kinabalu, Sabah yang masing-masing mengangkat tema "Menghilir Sungai Pahang" dan "Telusuri Bayu Nabal". Untuk kali ini, tema yang dipilih adalah "**Moh Labun Loghat Perak**".

3. Pada saya, tema **"MOH LABUN LOGHAT PERAK"** merupakan tema yang sangat sesuai untuk diketengahkan bagi mendedahkan kepada masyarakat umum tentang keunikan bahasa pertuturan penduduk negeri Perak. Saya sentiasa menyambut baik dan menyokong usaha yang dilakukan oleh Arkib Negara Malaysia ini kerana melalui usaha ini, bahasa kolokial yang dituturkan masyarakat setempat dapat didokumentasikan dan seterusnya dirujuk oleh generasi kini dan akan datang.
  
4. Di kesempatan ini, saya ingin merakamkan sekalung penghargaan kepada barisan Tokoh-tokoh Pembicara dan Pengerusi Sesi yang sudi untuk berkongsi ilmu, pengalaman dan pandangan dengan kita semua demi memastikan kelestarian dan keberdayaan budaya bangsa. Saya juga mengucapkan terima kasih kepada semua hadirin yang menjayakan program bicara pada hari ini sama ada yang mengikuti secara fizikal mahupun yang hadir secara maya melalui siaran laman Facebook rasmi Arkib Negara Malaysia.

### **MELESTARIKAN WARISAN PERAK SEBAGAI PEMANGKIN PERPADUAN**

**Dato'-Dato', Datin-Datin, Tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati,**

5. Dari segi sejarah, kegemilangan negeri Perak telah bermula sejak kurun ke-19 lagi. Perak terkenal dengan perusahaan asas ekonomi perlombongan bijih timah diikuti dengan perusahaan getah yang menjadi nadi dan sumber pendapatan utama Persekutuan Tanah Melayu sehingga akhir kurun ke-19. Perak menyumbang 20 peratus jumlah permintaan bijih timah dunia sehingga abad ke-20.
  
6. Perak adalah bumi yang bertuah dan istimewa. Salah satu keistimewaan negeri ini adalah ia mempelopori banyak perkara di Tanah Melayu, antaranya kereta pertama di Tanah Melayu mula diperkenalkan di negeri ini pada tahun 1941, landasan kereta api pertama di Tanah Melayu dibina dari Taiping ke Port Weld pada tahun 1885 dan sistem perhubungan telegraf pertama di Tanah Melayu diwujudkan di negeri Perak pada tahun 1886. Rentetan itu, Ipoh telah berkembang daripada sebuah perkampungan kecil pada tahun 1880-an menjadi bandar utama di negeri Perak pada tahun 1911.
  
7. Perak terdiri daripada 13 daerah dan dapat dikategorikan mengikut Wilayah Hulu Perak, iaitu daerah Hulu Perak; Wilayah Perak Utara yang terdiri daripada daerah Kerian, Larut dan Matang serta Selama; Wilayah Perak Selatan,

iaitu daerah Bagan Datuk, Hilir Perak, Batang Padang dan Muallim; dan Wilayah Metropolitan Lembah Kinta yang meliputi daerah Kuala Kangsar, Kampar, Perak Tengah, Manjung dan Kinta. Kedudukan Perak yang strategik dan bersempadan dengan banyak negeri menyumbang kepada perkongsian budaya dan penggunaan dialek yang hampir sama dengan negeri yang bersempadan tersebut. Di utara, negeri ini bersempadan dengan Kedah dan Seberang Prai, Pulau Pinang serta selatan Thailand. Di bahagian timur, Perak bersempadan dengan negeri Kelantan. Di selatan, Perak bersempadan dengan negeri Selangor, manakala di bahagian barat pula bersempadan dengan Selat Melaka.

8. Justeru, tidak hairanlah bahasa kolokial yang digunakan oleh penduduk setempat telah diresapi oleh dialek negeri-negeri yang bersempadan dengannya, contohnya dialek Pattani di daerah Hulu Perak, Larut Matang dan Selama; dialek Kedah di Taiping dan kawasan ke utara serta dialek Selangor di daerah Ipoh dan ke selatan. Bahasa pertuturan Perak yang asli adalah bahasa dialek yang dituturkan oleh penduduk di Kuala Kangsar dan Perak Tengah. Faktor geografi atau muka bumi, migrasi, sejarah dan demografi juga memainkan peranan penting dalam penggunaan bahasa yang dituturkan. Bahasa pertuturan yang digunakan memainkan peranan penting dalam

pengukuhan sikap toleransi dan jalinan silaturahmi yang seterusnya memperteguhkan ikatan perpaduan antara kaum yang menghuni negeri ini.

## **MELESTARIKAN KEBERDAYAAN BAHASA KOMUNITI**

**Hadirin yang dihormati sekalian,**

9. Bahasa sebagai cerminan akal budi dan budaya bangsa yang berupaya membentuk jati diri dan semangat patriotisme rakyat. Sebagaimana yang diungkapkan oleh Perdana Menteri yang pertama, YTM Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj bahawa negara tanpa bahasanya sendiri samalah negara tanpa roh kerana bahasa adalah jiwa bangsa. Pembinaan tamadun sesuatu bangsa juga melibatkan bahasa sebagai salah satu tonggakunya. Maka, tidak hairanlah para pujangga lama mencipta ungkapan seperti "Bahasa Jiwa Bangsa", "Hilang Bahasa Lenyaplah Bangsa" dan sebagainya. Justeru, amatlah malang sekiranya sesuatu bangsa itu kehilangan bahasanya sendiri.
  
10. Bahasa pertuturan atau bahasa dialek dalam kalangan komuniti boleh menjadi input kepada bahasa standard. Kehadirannya masih lagi signifikan dalam memperkukuhkan lagi bahasa standard yang digunakan

secara rasmi dalam sebarang urusan. Oleh itu, penggunaan bahasa kolokial dan bahasa dialek dalam kalangan masyarakat ini perlu dipertahankan agar tidak berlaku kepupusan meskipun kehidupan kita dipengaruhi oleh kemodenan dan kecanggihan teknologi. Pengaruh media sosial antara faktor yang boleh mempengaruhi penggunaan bahasa kolokial yang semakin menipis dalam kalangan generasi muda. Perkara ini sebegini seharusnya tidak berlaku kerana keberdayaan sesuatu bahasa itu akan terkesan dari penggunaan bangsa yang menuturkannya. Natijahnya, penggunaan bahasa natif ini akan semakin berkurangan dan berlaku dalam kelompok yang kecil sahaja sehingga lama-kelamaan menyebabkan ia akan pupus dan hilang jati dirinya. Justeru, perkara ini tidak boleh dipandang remeh dan perlu diambil tindakan yang sewajarnya.

## **USAHA ARKIB NEGARA MALAYSIA MEMASYARAKATKAN WARISAN NEGARA**

**Dif-dif kehormat, tuan-tuan dan puan-puan,**

11. Arkib Negara Malaysia merupakan institusi yang diberi mandat untuk memelihara khazanah warisan negara. Usaha berterusan yang dilaksanakan oleh jabatan ini mendokumentasikan bahasa kolokial merupakan salah

satu usaha murni bagi memasyarakatkan warisan negara supaya ia dapat kekal dirujuk dan dihayati oleh generasi akan datang.

12. Tanggungjawab dan inisiatif yang dilaksanakan ini selaras dengan objektif penubuhan Kementerian Perpaduan Negara dan pembangunan Dasar Perpaduan Negara "Perpaduan dalam Kepelbagaian", iaitu Teras 02 Identiti Nasional – Strategi 2: Mengukuhkan Peranan Bahasa Sebagai Medium Integrasi Perpaduan.
13. Oleh itu, sebagai Kementerian yang menaungi Arkib Negara Malaysia, Kementerian Perpaduan Negara akan sentiasa menyokong inisiatif murni yang dilaksanakan ini demi pengukuhan semangat perpaduan dan kejayaan wawasan Malaysia MADANI. Namun begitu, Arkib Negara Malaysia tidak seharusnya memikul tanggungjawab ini secara bersendirian, malah semua pihak perlu berganding bahu bersama-sama membantu dan berkerjasama dengan jabatan ini sama ada sebagai pertubuhan, perkumpulan, persatuan mahupun orang perseorangan. Bersama-samalah kita berkolaborasi menjayakan program-program intelektual yang mengangkat kepelbagaian budaya agar kelestarian dan keberdayaan khazanah warisan negara terus kekal dan relevan sampai



bila-bila demi memperkukuhkan perpaduan dalam kalangan rakyat.

## **PENUTUP**

**Sidang hadirin sekalian,**

14. Saya yakin bahawa program pada hari ini dapat mencapai objektifnya dan berupaya menjadi platform penyatuan masyarakat tempatan. Kita juga bertuah kerana dapat mendengar sendiri kupasan daripada Tokoh-tokoh Pembicara hebat dan berpengalaman luas dalam memartabatkan bahasa yang akan disampaikan.
15. Akhir kata, saya sekali lagi ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah dan terima kasih kepada semua Tokoh Pembicara, pengerusi sesi dan peserta yang menjayakan program ini. Semoga hasrat kita untuk memartabatkan dan melestarikan tradisi dan budaya komuniti dapat sama-sama direalisasikan.
16. Sesungguhnya perpaduan itu tunjang kepada kejayaan negara dan bahasa adalah medium yang berkesan untuk mencapai kejayaan tersebut.

Sudah terlambat mengejar masa,  
Singgah sebentar membeli kaya;  
Moh teman kenali bahasa,  
Tanda diri beradat budaya.

17. Dengan kata-kata dan hasrat tersebut, saya dengan sukacitanya merasmikan **BICARA BAHASA KOLOKIAL: MELESTARIKAN KEBERDAYAAN BAHASA KOMUNITI “MOH LABUN LOGHAT PERAK”**.

Sekian, terima kasih.